

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN 1** : Kajian Semula Cukai Pendapatan Syarikat Bagi Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS)
- LAMPIRAN 2** : Pengurangan Cukai Pendapatan Syarikat Berdasarkan Peningkatan Pendapatan Bercukai
- LAMPIRAN 3** : Pelepasan Cukai Bagi Gaya Hidup
- LAMPIRAN 4** : Pelepasan Cukai Bagi Yuran Yang Dibayar Kepada Taman Asuhan Kanak-Kanak Dan Taman Didikan Kanak-Kanak
- LAMPIRAN 5** : Pelepasan Cukai Bagi Pembelian Peralatan Penyusuan Susu Ibu
- LAMPIRAN 6** : Lanjutan Tempoh Pengecualian Cukai Pendapatan Dan Duti Setem Bagi Perniagaan Perbankan Islam Dan Takaful
- LAMPIRAN 7** : Lanjutan Pengecualian Duti Setem Bagi Pembelian Rumah Kediaman Yang Pertama
- LAMPIRAN 8** : Lanjutan Galakan Cukai Pendapatan Bagi Hotel Baharu Bertaraf 4 Dan 5 Bintang
- LAMPIRAN 9** : Peluasan Skop Produk Halal Yang Layak Di Bawah Galakan Cukai Bagi Peserta Industri Halal
- LAMPIRAN 10** : Menaikkan Had Potongan Cukai Bagi Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan
- LAMPIRAN 11** : Lanjutan Galakan Cukai Pendapatan Bagi Syarikat *Anchor* Di Bawah Program Pembangunan Vendor
- LAMPIRAN 12** : Lanjutan Tempoh Dan Peluasan Skop Galakan Potongan Dua Kali Bagi Program *Internship* Berstruktur (SIP)
- LAMPIRAN 13** : Kajian Semula Pelepasan GST Kepada Orang Kurang Upaya
- LAMPIRAN 14** : Kajian Semula Layanan GST Bagi Zon Bebas
- LAMPIRAN 15** : Kajian Semula Layanan GST Di Bawah Skim Penggudangan

**KAJIAN SEMULA CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT BAGI
PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta atau Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) dengan amaun sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta adalah dikategorikan sebagai PKS bagi maksud cukai pendapatan dan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 19% ke atas pendapatan bercukai sehingga RM500,000. Pendapatan bercukai selebihnya dikenakan pada kadar cukai pendapatan 24%.

Cadangan

Bagi membantu entiti perniagaan tersebut di atas untuk lebih berdaya saing dalam keadaan ekonomi semasa yang mencabar, adalah dicadangkan kadar cukai pendapatan bagi entiti di atas diturunkan sebanyak 1 mata peratusan daripada 19% kepada 18% ke atas pendapatan bercukai sehingga RM500,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2017.

**PENGURANGAN CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT BERDASARKAN
PENINGKATAN PENDAPATAN BERCUKAI****Kedudukan Semasa**

Syarikat dan entiti dikenakan cukai pendapatan pada kadar tetap 24% seperti berikut:

- i. Syarikat yang mempunyai modal berbayar melebihi RM2.5 juta atau Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) dengan amaun sumbangan modal melebihi RM2.5 juta;
- ii. Syarikat yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta atau Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) dengan amaun sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta ke atas pendapatan bercukai melebihi RM500,000¹; dan
- iii. Badan amanah, pentadbir harta pusaka bagi individu yang berdomisil dan meninggal dunia di luar Malaysia dan penerima yang dilantik oleh mahkamah.

Cadangan

Bagi membantu mengurangkan kos perniagaan dan menggalakkan perniagaan berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan pendapatan bercukainya, terutamanya dalam keadaan ekonomi global semasa yang mencabar, adalah dicadangkan pengurangan kadar cukai pendapatan berdasarkan tahap peratus peningkatan pendapatan bercukai berbanding tahun taksiran sebaik sebelumnya diberi kepada entiti-entiti di atas yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Pengurangan kadar cukai adalah seperti berikut:

Peratus kenaikan pendapatan bercukai berbanding tahun taksiran sebaik sebelumnya	Pengurangan mata peratusan	Kadar cukai pendapatan selepas pengurangan (%)
Kurang dari 5.00	Tiada	24
5.00-9.99	1	23
10.00-14.99	2	22
15.00-19.99	3	21
20.00 dan ke atas	4	20

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2017 dan tahun taksiran 2018.

¹ Bagi pendapatan RM500,000 ke bawah, kadar cukai pendapatan semasa adalah 19%.

PELEPASAN CUKAI BAGI GAYA HIDUP

Kedudukan Semasa

Bagi menggalakkan budaya membaca, pengamalan gaya hidup sihat dan meningkatkan tahap penggunaan komputer dan internet, pembayar cukai individu layak menuntut pelepasan cukai seperti berikut:

- i. Pelepasan cukai sehingga RM1,000 bagi pembelian bahan bacaan (tidak termasuk surat khabar dan bahan bacaan terlarang);
- ii. Pelepasan cukai sehingga RM300 ke atas pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997;
- iii. Pelepasan cukai sehingga RM3,000 bagi pembelian komputer untuk dituntut sekali dalam tempoh 3 tahun; dan
- iv. Pelepasan cukai sehingga RM500 bagi langganan perkhidmatan internet jalur lebar (bagi tahun taksiran 2010 hingga tahun taksiran 2012 sahaja).

Cadangan

Bagi memberi fleksibiliti kepada pembayar cukai untuk menuntut pelepasan cukai ke atas pembelian bahan bacaan, komputer dan peralatan sukan, adalah dicadangkan ketiga-tiga pelepasan ini digabungkan menjadi satu pelepasan cukai baharu yang dikenali sebagai pelepasan gaya hidup dengan had tuntutan sehingga RM2,500.

Pelepasan gaya hidup ini juga turut diperluaskan skopnya bagi meliputi:

- i. Pembelian surat khabar harian bercetak;
- ii. Pembelian telefon pintar atau tablet;
- iii. Langganan internet; dan
- iv. Yuran keahlian gimnasium.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2017.

**PELEPASAN CUKAI BAGI YURAN YANG DIBAYAR KEPADA
TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK DAN TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK**

Kedudukan Semasa

Yuran yang dibayar kepada taman asuhan kanak-kanak dan taman didikan kanak-kanak adalah tidak layak bagi pelepasan cukai individu.

Cadangan

Bagi meringankan beban pembayar cukai berhubung kos penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak, adalah dicadangkan pelepasan cukai baharu sehingga RM1,000 disediakan kepada pembayar cukai individu yang menghantar anak-anaknya yang berumur sehingga 6 tahun, ke taman asuhan kanak-kanak atau taman didikan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pelepasan ini hanya boleh dituntut oleh salah seorang daripada ibu atau bapa kepada anak-anak tersebut.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2017.

**PELEPASAN CUKAI BAGI PEMBELIAN PERALATAN
PENYUSUAN SUSU IBU**

Kedudukan Semasa

Pembelian peralatan penyusuan susu ibu tidak layak bagi pelepasan cukai individu.

Cadangan

Bagi menggalakkan dan menyokong wanita untuk kembali bekerja serta meneruskan penyusuan bayi, adalah dicadangkan supaya pelepasan cukai baharu sehingga RM1,000 disediakan bagi pembelian peralatan penyusuan susu ibu. Pembelian boleh dibuat secara set lengkap atau berasingan yang merangkumi pam susu (manual atau elektrik), bekas penyejuk, bekas pengumpulan dan penyimpanan susu.

Pembayar cukai wanita yang mempunyai anak berumur sehingga 2 tahun layak menuntut pelepasan ini.

Tarikh Kuat Kuasa

Pelepasan ini boleh dituntut sekali untuk setiap 2 tahun mulai tahun taksiran 2017.

**LANJUTAN TEMPOH PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN DAN
DUTI SETEM BAGI PERNIAGAAN PERBANKAN ISLAM DAN TAKAFUL**

Kedudukan Semasa

Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa (ICBU) yang menjalankan aktiviti perniagaan perbankan Islam dan takaful dalam mata wang asing diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan yang diterima oleh bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam dalam mata wang asing termasuk transaksi dengan pemastautin Malaysia;
- ii. Pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan yang diterima oleh syarikat takaful dan unit takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful dalam mata wang asing termasuk transaksi dengan pemastautin Malaysia; dan
- iii. Pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas surat cara yang disempurnakan berkaitan dengan aktiviti perbankan Islam dan takaful dalam mata wang asing.

Galakan cukai (i) dan (ii) adalah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007 hingga tahun taksiran 2016.

Galakan cukai (iii) adalah berkuat kuasa ke atas suratcara yang disempurnakan mulai 8 September 2007 hingga 31 Disember 2016.

Cadangan

Bagi terus memperluaskan rangkaian pasaran kewangan Islam melalui peningkatan perniagaan perbankan Islam dan takaful, adalah dicadangkan galakan cukai di atas dilanjutkan bagi tempoh 4 tahun lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

- i. Galakan cukai (i) dan (ii), mulai tahun taksiran 2017 hingga tahun taksiran 2020.
- ii. Galakan cukai (iii), berkuat kuasa ke atas suratcara yang disempurnakan mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2020.

**LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI
PEMBELIAN RUMAH KEDIAMAN YANG PERTAMA**

Kedudukan Semasa

Bagi menggalakkan pemilikan rumah kediaman, Kerajaan telah menyediakan galakan pengecualian duti setem ke atas surat cara berkaitan seperti berikut:

Tahun	Galakan Cukai Bagi Pemilikan Rumah	Tempoh Pengecualian
Bajet 2003	Pengecualian duti setem 100% ke atas surat cara pindah milik, perjanjian pinjaman dan perjanjian jual beli bagi pembelian rumah kos rendah yang berharga tidak melebihi RM42,000.00 sekiranya terletak di Semenanjung Malaysia atau berharga tidak melebihi RM47,000.00 sekiranya terletak di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.	Perjanjian jual beli (S&P) yang disempurnakan mulai 1 Januari 2002.
Bajet 2012	Pengecualian duti setem 100% ke atas perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah di bawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang berharga tidak melebihi RM300,000.	S&P yang disempurnakan mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2016.
Bajet 2015	Pengecualian duti setem 50% ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah pertama sahaja yang berharga tidak melebihi RM500,000.	S&P disempurnakan mulai 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos pemilikan rumah yang pertama dengan mengambil kira peningkatan harga rumah, adalah dicadangkan pengecualian 100% duti setem diberi ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah pertama yang berharga sehingga RM300,000.

Bagi pembelian rumah pertama yang berharga melebihi RM300,000 sehingga RM500,000, duti setem adalah dikecualikan sepenuhnya terhadap kepada RM300,000 pertama nilai rumah tersebut. Pengecualian ini diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman. Baki selebihnya daripada nilai rumah adalah tertakluk kepada kadar duti setem semasa.

Warganegara Malaysia yang belum memiliki rumah sendiri layak menuntut pengecualian duti setem ini.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018.

**LANJUTAN GALAKAN CUKAI PENDAPATAN BAGI
HOTEL BAHARU BERTARAF 4 DAN 5 BINTANG**

Kedudukan Semasa

Pengusaha hotel yang membuat pelaburan bagi hotel baharu bertaraf 4 dan 5 bintang layak untuk memohon galakan cukai seperti berikut:

i. Semenanjung Malaysia:

a. Taraf Perintis

Pengecualian 70% ke atas pendapatan statutori bagi tempoh 5 tahun; ATAU

b. Elaun Cukai Pelaburan

Elaun 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Galakan ini adalah bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 8 Oktober 2011 hingga 31 Disember 2016.

ii. Sabah dan Sarawak:

a. Taraf Perintis

Pengecualian 100% ke atas pendapatan statutori bagi tempoh 5 tahun; ATAU

b. Elaun Cukai Pelaburan

Elaun 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Galakan ini adalah bagi permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2016.

Cadangan

Bagi terus menyediakan kemudahan penginapan bertaraf antarabangsa dan memenuhi keperluan pelancong dari kategori mewah, adalah dicadangkan tempoh permohonan galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan ke atas pelaburan bagi hotel baharu bertaraf 4 dan 5 bintang di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dilanjutkan selama 2 tahun lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018.

**PELUASAN SKOP PRODUK HALAL YANG LAYAK DI BAWAH GALAKAN
CUKAI BAGI PESERTA INDUSTRI HALAL**

Kedudukan Semasa

Galakan cukai bagi Peserta Industri Halal yang beroperasi dalam Taman Halal yang dipromosikan oleh Halal Development Corporation (HDC) adalah seperti berikut:

- i. Pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas perbelanjaan modal yang layak bagi tempoh 10 tahun; atau

Pengecualian cukai pendapatan ke atas peningkatan jualan eksport bagi tempoh 5 tahun.
- ii. Pengecualian duti import ke atas bahan mentah yang digunakan bagi pembangunan dan pengeluaran produk halal yang digalakkan; dan
- iii. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan bagi memperoleh pensijilan standard kualiti antarabangsa seperti HACCP, GMP *Codex Alimentarius* (garis panduan standard makanan dari FAO dan WHO), *Sanitation Standard Operating Procedures* dan peraturan bagi memenuhi pasaran eksport seperti *Food and Traceability from farm to fork*.

Produk halal yang layak adalah seperti berikut:

- i. Makanan diproses yang terpilih;
- ii. Farmaseutikal, kosmetik dan penjagaan diri;
- iii. Produk ternakan dan daging; dan
- iv. Ramuan kandungan halal.

Cadangan

Untuk terus meningkatkan pelaburan serta meningkatkan daya saing Malaysia dalam industri produk halal, adalah dicadangkan galakan cukai ini diperluaskan kepada pengeluaran produk *nutraceutical* dan *probiotic* oleh Peserta Industri Halal yang beroperasi dalam Taman Halal.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh HDC mulai 22 Oktober 2016.

**MENAIKKAN HAD POTONGAN CUKAI BAGI PENAJAAN
AKTIVITI KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang menaja aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dan asing yang diadakan di dalam negara serta diluluskan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan diberi potongan cukai ke atas perbelanjaan penajaan sehingga RM500,000 setahun, di mana potongan bagi perbelanjaan menaja aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan asing dihadkan sehingga RM200,000 setahun.

Cadangan

Bagi menggiatkan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan di dalam negara, adalah dicadangkan had potongan cukai kepada syarikat yang menaja aktiviti tersebut ditingkatkan sehingga RM700,000 setahun, di mana had potongan bagi penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan asing ditingkatkan sehingga RM300,000 setahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2017.

**LANJUTAN GALAKAN CUKAI PENDAPATAN BAGI SYARIKAT *ANCHOR*
DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN VENDOR**

Kedudukan Semasa

Syarikat *anchor* yang membangunkan vendor tempatan di bawah Program Pembangunan Vendor dan telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) diberi potongan dua kali ke atas perbelanjaan operasi seperti berikut:

- i. kos pembangunan produk, R&D, inovasi dan peningkatan kualiti;
- ii. kos peningkatan keupayaan syarikat vendor seperti pensijilan ISO/Kaizen/5S, penilaian program dan *business process reengineering*; dan
- iii. kos latihan kemahiran vendor, *capacity building*, *lean management system* dan *financial management system*.

Kriteria kelayakan bagi potongan dua kali ini adalah seperti berikut:

- i. perbelanjaan operasi yang layak hendaklah disahkan oleh MITI sebelum syarikat *anchor* menuntut potongan;
- ii. potongan bagi perbelanjaan operasi yang layak dihadkan sehingga RM300,000 setiap tahun; dan
- iii. potongan diberi bagi 3 tahun taksiran.

Galakan di atas diberi kepada syarikat *anchor* yang menandatangani MoU dengan MITI mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2016.

Cadangan

Bagi terus meningkatkan penglibatan syarikat *anchor* dalam membangunkan lebih banyak vendor tempatan yang lebih berdaya saing, adalah dicadangkan galakan cukai yang diberi kepada syarikat *anchor* yang melaksanakan Program Pembangunan Vendor dilanjutkan bagi tempoh 4 tahun lagi.

Tarikh Kuat Kuasa

Galakan diberi kepada syarikat *anchor* yang menandatangani MoU dengan MITI mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2020.

**LANJUTAN DAN PELUASAN SKOP GALAKAN POTONGAN DUA KALI
BAGI PROGRAM *INTERNSHIP* BERSTRUKTUR (SIP)**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang terlibat dalam Program *Internship* Berstruktur (*Structured Internship Programme*) (SIP) yang diluluskan oleh TalentCorp diberi potongan dua kali ke atas perbelanjaan bagi melaksanakan program tersebut. Program ini disediakan untuk pelajar warganegara Malaysia yang mengikuti pengajian sepenuh masa di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Diploma di institusi pengajian tinggi (IPT) yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi, atau di peringkat vokasional dan setaraf (Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 4 dan 5) yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Jabatan Pembangunan Kemahiran. Galakan ini diberi bagi tempoh seperti berikut:

- i. Peringkat Ijazah Sarjana Muda – mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016; dan
- ii. Peringkat Diploma dan Vokasional – mulai tahun taksiran 2015 hingga tahun taksiran 2016.

Cadangan

Untuk terus menggalakkan syarikat menyertai SIP dan menyumbang kepada kebolehpasaran graduan tempatan melalui pendedahan awal kepada persekitaran tempat kerja, adalah dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan bagi tempoh 3 tahun lagi.

Program ini juga diperluaskan untuk pelajar Malaysia sepenuh masa di peringkat vokasional (Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3).

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2017 hingga tahun taksiran 2019.

KAJIAN SEMULA PELEPASAN GST KEPADA ORANG KURANG UPAYA

Kedudukan Semasa

Di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014, pelepasan GST diberikan kepada *Private Charitable Entities* (PCE) untuk orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ke atas pembelian peralatan khusus bagi kegunaan OKU seperti berikut:

- i. *Artificial limbs;*
- ii. *Wheelchair;*
- iii. *Electrically/mechanically adjustable bed designed for handicapped;*
- iv. *Braille embossers;*
- v. *Pick-up sticks;*
- vi. *Text telephone;*
- vii. *Whistling cup;*
- viii. *White canes;*
- ix. *Specialised footwear;*
- x. *Hearing aid;* dan
- xi. *Low vision aid.*

Pelepasan di atas adalah tertakluk kepada syarat peralatan berkenaan dibekalkan secara percuma atau dijual pada nilai nominal kepada ahli PCE berkenaan dan ahli yang berdaftar di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Cadangan

Bagi membolehkan lebih ramai OKU termasuk yang bukan merupakan ahli kepada PCE mendapat manfaat daripada pelepasan GST tersebut, adalah dicadangkan kemudahan pelepasan berkenaan diberikan secara terus kepada pemegang kad OKU yang sah ke atas peralatan diluluskan yang diperolehi daripada pembekal yang ditetapkan oleh JKJ.

Peralatan bantuan OKU yang layak mendapat pelepasan GST diperluaskan ke atas peralatan seperti di bawah:

- i. *Callipers;*
- ii. *Artificial prosthetic and orthotic;*
- iii. *Motorized wheelchair;*
- iv. *Home care/hospital bed;*
- v. *Braille display;*
- vi. *Vibrating alarm indicators;*
- vii. *Flashing/signalling device;*
- viii. *Magnifier;*
- ix. *Special lenses;*
- x. *Optical character recognition (OCR) equipment;*
- xi. *Medical cushion;*
- xii. *Ripple mattress;*
- xiii. *Walking frame;*
- xiv. *Crutches and rubber ends;*
- xv. *Vehicle wheelchair lift and restraints;*
- xvi. *Portable ramps;*
- xvii. *Hand controls for driving;*
- xviii. *Shower chair;*
- xix. *Commode chair; dan*
- xx. *Teletypewriter.*

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2017.

KAJIAN SEMULA LAYANAN GST BAGI ZON BEBAS

Kedudukan Semasa

Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 adalah terpakai di dalam zon bebas yang terdiri daripada Zon Perdagangan Bebas (FCZ) dan Zon Perindustrian Bebas (FIZ) yang ditubuhkan di bawah Akta Zon Bebas 1990. Layanan khas telah diberikan di bawah Seksyen 162(a) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 di mana GST tidak dikenakan ke atas barang yang diimport ke dalam FCZ bagi tujuan seperti berikut:

- i. Aktiviti perdagangan; atau
- ii. Perdagangan runcit yang diluluskan di bawah Akta Zon Bebas 1990.

GST dikenakan ke atas barang yang diimport ke dalam FCZ sekiranya ia merupakan barang yang digunakan di dalam zon tersebut. GST juga dikenakan ke atas barang yang diimport ke dalam FIZ, semua bekalan atau pindahan barang yang dibuat di dalam FIZ dan di antara FIZ serta di antara FIZ dan FCZ.

Pindahan barang dari FIZ dan FCZ ke Kawasan Ditetapkan iaitu Langkawi, Labuan dan Tioman dan sebaliknya serta pindahan barang ke gudang yang diluluskan di bawah Skim Penggudangan atau sebaliknya tertakluk kepada GST.

Cadangan

Bagi menyeragamkan layanan GST di FIZ dan FCZ, adalah dicadangkan layanan GST ditetapkan seperti berikut:

- i. GST tidak dikenakan ke atas bekalan dan pindahan barang yang dibuat di dalam dan di antara FCZ;
- ii. GST tidak dikenakan ke atas barang yang diimport ke dalam FIZ;
- iii. GST tidak dikenakan ke atas bekalan dan pindahan barang yang dibuat di dalam dan di antara FIZ;
- iv. GST tidak dikenakan ke atas bekalan dan pindahan barang yang dibuat di antara FCZ dan FIZ atau sebaliknya;
- v. GST tidak dikenakan ke atas pindahan barang dari zon bebas ke Kawasan Ditetapkan iaitu Langkawi, Labuan dan Tioman atau sebaliknya; dan
- vi. GST tidak dikenakan ke atas pindahan barang dari zon bebas ke gudang yang diluluskan di bawah Skim Penggudangan atau sebaliknya.

Layanan GST di atas tidak terpakai bagi perkara berikut:

- i. Barang yang ditetapkan di bawah Perintah Zon Bebas (Pengecualian Barang-barang dan Perkhidmatan) 1998 dan digunakan di dalam zon bebas;
- ii. Barang dan perkhidmatan seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Penaan Cukai Bagi Pembekalan Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan) 2014; dan
- iii. Apa-apa barang lain yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2017.

KAJIAN SEMULA LAYANAN GST DI BAWAH SKIM PENGGUDANGAN

Kedudukan Semasa

Skim Penggudangan di bawah Seksyen 70, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 membenarkan penggantungan pembayaran GST ke atas barang yang diimport dan didepositkan ke dalam gudang yang diluluskan meliputi Gudang Pengilangan Berlesen, Gudang Berlesen Awam, Gudang Berlesen Persendirian, Kedai Bebas Cukai dan Depot Pelepasan Pedalaman. Di bawah skim ini, barang import yang didepositkan ke dalam gudang dan dibekalkan di dalam dan di antara gudang tersebut tidak dikenakan GST. GST dikenakan apabila barang tersebut dibawa keluar dari gudang.

Barang dari Kawasan Utama Kastam (KUK) dan Kawasan Perindustrian Bebas (FIZ) yang dideposit dan dibekalkan di dalam gudang tersebut tidak layak menggunakan kemudahan di bawah Skim Penggudangan dan bekalan barang tersebut yang dibuat di dalam dan di antara gudang tersebut adalah tertakluk kepada kenaaan GST.

Cadangan

Bagi memastikan keseragaman layanan GST di antara barang import dan barang dari KUK serta memudahkan pentadbiran GST di bawah Skim Penggudangan, adalah dicadangkan supaya barang dari KUK yang terdiri daripada Gudang Pengilangan Berlesen, Gudang Eksais dan FIZ yang didepositkan dan dibekalkan di dalam dan di antara gudang di bawah Skim Penggudangan tidak dikenakan GST.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2017.